

**KJ: DAP terbukti bersalah dalam pemilihan CEC**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 16 , 2013**  
**Oleh Hasbullah Awang Chik**

Khairy Jamaluddin Abu Bakar hari ini berkata, pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP membuktikan pemilihan parti itu yang dilaksanakan tahun lalu penuh dengan kepincangan.

Menteri Belia dan Sukan itu berkata, DAP mengambil masa terlalu lama bagi mengakui kesilapan dan kepincangan yang berlaku bagi menghangatkan isu berkenaan semasa musim pilihan raya umum ke-13 (PRU13) lalu.

"DAP membuktikan mereka tidak mempunyai pilihan dengan menurut kehendak Pendaftar Pertubuhan (RoS) meskipun isu pernah dibangkitkan sejak musim pilihan raya lalu lagi," katanya pada sidang media di Pertandingan Dasar Awam Malaysia di Petaling Jaya hari ini.

Semalam, The Malaysian Insider melaporkan DAP bersetuju untuk mengadakan pemilihan semula CEC bagi mengelak pendaftaran parti terbatal.

Pegerusi DAP, Karpal Singh berkata CEC berbincang bagi mengadakan semula pemilihan meskipun parti berpendapat arahan Pendaftar Pertubuhan (RoS) tidak berlunaskan undang-undang.

Katanya, DAP berusaha mendapat penjelasan RoS bagi arahan berkenaan dan dari sudut mana RoS boleh mengarahkan sedemikian malah Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berusaha untuk bertemu dengan RoS bagi membincangkan hal berkenaan namun tidak mendapat kerjasama RoS.

Sementara itu, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua berkata pemilihan semula CEC bukan kerana desakan RoS tetapi bagi membuktikan parti itu tidak bersalah. Pua mempersoalkan integriti RoS yang disifatkannya dipengaruhi oleh tokoh politik daripada parti pemerintah Umno sehinggakan mereka menyalahguna kuasa diperuntukkan ke atas mereka.

Katanya, langkah autokratik daripada RoS jelas menunjukkan campur tangan politik oleh Umno, lebih spesifiknya Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Zahid Hamidi.

"Jika RoS boleh menyalahguna kuasa mereka untuk memerintahkan DAP mengadakan pemilihan semula, berkemungkinan juga mereka menyalahguna untuk membatalkan pendaftaran sesebuah parti politik," katanya. - 16 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kj-dap-terbukti-bersalah-dalam-pemilihan-cec>

